



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA


# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2023



# ISI KANDUNGAN



- DISKAUN 50 PERATUS SEWAAN GELANGGANG SUKAN	3
- TAMAN PERSAHABATAN MALAYSIA-CHINA SIMBOL HUBUNGAN BAIK DUA NEGARA	4-5
- TAMAN BOTANI PUTRAJAYA 'MOTHER OF ALL GARDENS'	7
- PELUANG BERTEMU 200 SPESIS BURUNG DI TAMAN WETLAND	8
- FESTIVAL AL-QURAN ISLAM TERBESAR DI NASYRUL QURAN PUTRAJAYA	9
- PPJ OPTIMIS REALISASI BANDAR MAMPAN, BANDAR HIJAU KARBON RENDAH 2025	10
- 400 PELAJARTINGKATAN 5 SERTAI BENGKEL PECUTAN AKHIR	11
- POTONGAN 30 PERATUS CUKAI TAKSIRAN UNTUK WARGA PUTRAJAYA	12
- BAS NADIPUTRA BEROPERASI BAWAH RAPID BUS 1 JANUARI	13
- PPJ RAI 11 PEMENANG CARETON@PUTRAJAYA	14
- PPJ RAI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK W. PERSEKUTUAN	16
- PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA 2023	18
- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2023	19



## PERTANYAAN

my  
**PUTRAJAYA**



Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,  
Seksyen Portal & Multimedia  
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)
- [Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)
- [Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)
- [Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/user/perbadananputrajaya)
- [Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

# Diskaun 50% Peratus Sewaan Gelanggang Sukan Sepanjang SHWP 2023

Perbadanan Putrajaya (PPj) menawarkan diskaun 50% bagi sewaan gelanggang sukan, gimnasium, kolam, buggy dan basikal sepanjang Februari 2023 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 (SHWP 2023).

Warga Putrajaya boleh berhubung terus dengan kaunter gelanggang dan kemudahan berkenaan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Mereka yang berminat boleh hubungi kaunter Taman Botani Putrajaya di talian 03-88877770, Kaunter Taman Wetland Putrajaya (03-88877774), Kaunter Dewan Serbaguna Presint 8 (03-88877665), Kaunter Kompleks Kejiranan Presint 16 (03-88877669), Kaunter Kompleks Kejiranan Presint 9 (03-88877668), Kaunter Kompleks Kejiranan Presint 11 (03-88877664), Kaunter Taman Cabaran Presint 5 (03 - 88877789 / 7202 / 7335) dan Kaunter Futsal Presint 18 (03-88877601).

Manakala bagi sewaan di Kompleks Sukan Taman Pancarona Presint 18, Padang Bola Sepak Sintetik Presint 8 & Padang Bola Sepak Taman Ekuestrian Presint 5 (Padang A, B & C) pula boleh hubungi 03-88877769.



## MAKLUMAN

BERSEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2023, PPJ MEMBERIKAN

### DISKAUN 50%

UNTUK SEWAAN KEMUDAHAN GELANGGANG SUKAN, GIMNASIUM, KOLAM RENANG SERTA SEWAAN BUGGY DAN BASIKAL DI TAMAN AWAM SEPANJANG BULAN FEBRUARI 2023.



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my) [Putrajaya](#) [perbadananputrajaya](#) [putrajayacorp](#)

PPj juga turut menawarkan harga tiket promosi beli 3 percuma 1 bagi menaiki Cruise Tasik Putrajaya bagi tempoh bermula 1 hingga 14 Februari 2023. Tawaran promosi hanya membabitkan produk Bot Persiaran (Cruise) dan Perahu Dondang Sayang sahaja.

SHWP 2023 kali ini menggunakan tema 'Wilayah Persekutuan Untuk Semua' dan pelbagai program telah diatur sepanjang sambutan tersebut.



# Taman Persahabatan Malaysia - China Simbol Hubungan Baik Dua Negara



A njung Floria Putrajaya yang terletak di Presint 4, Putrajaya yang merupakan tapak penganjuran Festival Bunga dan Taman Antarabangsa (FLORIA) Diraja Putrajaya kini semakin mendapat tempat di hati pengunjung.

Komponen yang menarik untuk dilawati adalah tiga buah taman indah iaitu Taman Persahabatan Malaysia-China, Taman Inggeris (English Garden) dan Taman Fantasi (Fantasy Garden). Taman Persahabatan Malaysia-China adalah satu-satunya taman yang unik di mana pengunjung dapat merasai seolah-olah berada di negara China saat menjelaskan kaki ke lokasi tersebut.

Bukan sahaja menjadi tumpuan pelancong tempatan, lokasi ini juga dikatakan mendapat tumpuan pelancong dari luar negara yang ingin merasai pengalaman seolah-olah berada di zaman dinasti China.

Direka bercirikan elemen ‘Lingnan-styled garden’ di atas tanah berkeluasan 0.24 hektar di tapak kekal FLORIA, taman persahabatan ini adalah mercu tanda hubungan diplomatik yang semakin kukuh antara Malaysia dan China.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Rekreasi dan Operasi Perbadanan Putrajaya (PPj), Azhar Abdullah, projek pertama yang dilaksanakan dalam bentuk taman persahabatan ini dibangunkan dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Malaysia China (PPMC) yang juga merupakan pencetus idea pembinaan taman tersebut.

Terdahulu, kerajaan negara China melalui agensi yang dilantik iaitu Dongguan People’s Association For Friendship With Foreign Countries menyatakan persetujuan dengan pembangunan Taman Persahabatan Malaysia-China selain menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi menampung kos pembinaan.

Taman ini bukan hanya menyokong hubungan baik dan meraikan ulang tahun ke-40 jalinan perhubungan dua hala antara Malaysia dan China tetapi juga dibangunkan sebagai lokasi tarikan pelancong yang dapat menambah karakter antarabangsa di Putrajaya.



Seni bina dan kaligrafi tradisional Cina yang diterapkan di setiap sudut taman tersebut merupakan salah satu daya tarikan yang menarik pengunjung untuk datang ke sini. Pembinaan taman unik dengan ciri Lingnan ini menawarkan pelbagai keindahan, selain binaannya yang menarik dengan dilengkapi kolam di tengah-tengah taman yang menawarkan pelbagai aura positif buat orang ramai.

Selain itu, terdapat dua pokok jenis Michelia Alba atau sempaka putih yang mencuri perhatian pengunjung yang meneroka di setiap sudut taman ini kerana pokok tersebut. Ia ditanam pada Majlis Pecah Tanah sembilan tahun lalu sebagai simbolik hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Lebih menarik, kawasan ini berlatarbelakangkan panorama tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana yang merupakan lokasi tumpuan pengunjung untuk beriadah dan bersantai menjadikan lokasi taman persahabatan ini strategik untuk pengunjung berkelah atau melakukan pelbagai aktiviti menarik.

Buat masa sekarang, taman persahabatan ini dibuka kepada orang awam tanpa dikenakan sebarang caj bayaran selain pengunjung berpeluang menghayati sendiri negara China yang sememangnya kaya dengan kehalusan seni binanya.

Taman ini juga dibuka kepada pasangan pengantin dan jurugambar yang ingin merakamkan potret perkahwinan. Lanskap menarik persis berada di negara China ini merupakan satu bonus buat para raja sehari. Bagaimanapun, untuk mereka yang ingin membuat penggambaran, bayaran tertentu akan dikenakan selain perlu berhubung dengan pihak Putrajaya Floria Sdn Bhd.

## Gabung Enam Elemen Utama

Penerapan enam elemen utama iaitu air, gunung, batu, bangunan, kaligrafi dan tumbuhan di Taman Persahabatan Malaysia-China ini dilihat memberi kombinasi yang cukup mendamaikan.

Antaranya adalah elemen air yang dapat dilihat melalui kolam di tengah antara pavilion dan pintu masuk serta kolam lain yang terdapat di sekitar kawasan tersebut bagi memberikan kedamaian dan ketenangan yang berterusan selain suasana pergunungan yang menyegarkan pandangan dapat dirasai oleh setiap pengunjung ketika melawat keseluruhan taman.

Seterusnya, elemen batu dan bangunan pula diperlihatkan dari tembok yang mengelilingi kawasan taman dan pavilion serta koridor berbumbung menjelaskan motif tradisional Cina yang diterapkan pada pembinaan bangunan ini menunjukkan kekayaan dan keaslian seni bina negara tersebut.

Selain itu, seni kaligrafi di sekitar kawasan taman persahabatan tersebut juga sangat mengujakan. Ia bagaikan menghidupkan setiap sudut dengan sentuhan halus kaligrafi Cina. Tumbuhan-tumbuhan juga merupakan elemen yang sangat berperanan dalam memberikan kedamaian di taman ini. Pokok maple, bonsai, buluh dan beberapa jenis pokok serta bunga yang ditanam di sini bagi terapi diri buat para pengunjung.

Gabungan pelbagai elemen utama dengan batuan berwarna, koridor penggulungan, pokok yang subur, bunga yang berkembang, halaman indah dan pavilion di taman ini sebagai bukti persahabatan yang berpanjangan antara Malaysia dan China.



# Bengkel Suri Putrajaya 2023 Bantu Jana Pendapatan



Dalam usaha membantu suri rumah menjana pendapatan, Bahagian Perkhidmatan Komuniti & Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Bengkel Suri Putrajaya 2023 Siri 1: Kelas Jahitan pada 11 dan 12 Februari 2023.

Menurut guru jahitan, Zunaini Ismail, penyertaan peserta mendapat sambutan menggalakkan yang mana rata-ratanya terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal dan tidak terkecuali juga golongan remaja.

Penyertaan terutamanya daripada mereka yang tidak bekerja sekurang-kurangnya dapat membantu peserta meraih pendapatan lebih-lebih lagi di saat ekonomi yang tidak menentu ini.

Dua modul yang diajar kali ini adalah tunic muslimah dan palazo yang merupakan antara modul yang paling mendapat permintaan ramai. Ketika ini tunic dan palazo merupakan fesyen yang

mendapat perhatian selain ia lebih selesa dan mudah digayakan di mana-mana sahaja.

Kebanyakan peserta yang pernah mengikuti bengkel jahitan pada siri sebelum ini telah pun berjaya bergelar tukang jahit dan ada yang telah membuka kedai jahitan sendiri.

Zunaini yang juga pemilik Pusat Jahitan Seni Reka Cemerlang berharap agar setiap peserta meletakkan matlamat yang jelas untuk mengikuti bengkel jahitan yang berlangsung di Bilik Serbaguna, Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Diharapkan setelah mengikuti bengkel ini, mereka ada keyakinan untuk mengambil tempahan pelanggan, mungkin boleh bermula daripada kaum keluarga terlebih dahulu. Dari situ secara tidak langsung akan menimbulkan keberanian.




## Taman Botani Putrajaya 'Mother of All Gardens'

Dengan jolokan 'Mother of All Gardens', Taman Botani Putrajaya di Presint 1 adalah salah satu dari 12 destinasi Taman-Taman Awam yang mempesona di pusat pentadbiran Putrajaya.

Reka bentuk landskap taman seluas 230 ekar ini yang mempunyai 13 buah taman tema yang memperkenalkan lebih daripada 750 spesies tumbuhan dari benua yang berbeza di dunia. Ia berfungsi sebagai kawasan perlindungan dan pusat pembelajaran serta kajian bagi khazanah negara Malaysia.

Taman Botani juga tersenarai di antara 40 taman yang indah dan mempesonakan di Asia oleh Buku Paradise Found: Journeys Through Noble Gardens of Asia.

Selain itu, ia telah dinobatkan sebagai Taman Paling Menakjubkan di Asia oleh Yayasan Chelsea Diraja, London di Pameran Bunga Perdana Premier Dunia Chelsea pada 2008.



# Peluang Bertemu 200 Spesies Burung Di Taman Wetland Putrajaya

Menikmati kehijauan alam semula jadi dengan ditemani bunyi unggas dan kicauan burung sememangnya mendamaikan jiwa. Lebih menarik, ketika berehat dan menikmati pemandangan tersebut, kita terserempak dengan pelbagai jenis spesies burung yang kian jarang ditemui termasuk burung pekaka paruh pendek dan kelicap mayang kelapa.

Bagi merealisasikan perkara tersebut, kita tidak perlu pergi jauh apatah lagi memasuki hutan kerana ada lokasi berhampiran ibu kota yang dikhaskan buat pengunjung untuk ‘bertemu’ dengan lebih 200 spesies burung sedemikian.

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Perbadanan Putrajaya (PPj), Norzita Abdul Razak berkata, PPj kini menawarkan aktiviti ekopelancongan urban birding pertama di Malaysia bagi mempromosi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut.

Urban birding bermaksud aktiviti bertemu pelbagai jenis burung di dalam bandar secara terbuka. Kepelbagaian sumber makanan yang banyak selain kawasan hijau yang sentiasa bersih menjadi faktor utama beberapa lokasi di Putrajaya menjadi habitat serta pusat migrasi lebih 200 spesies burung.

Antara kawasan dijadikan persinggahan dan habitat burung di Putrajaya adalah Tasik Wetland Putrajaya (TWP), Taman Botani, Taman Rimba Alam dan pulau kecil di Presint 16. Kawasan ini menjadi habitat dan persinggahan burung yang sebahagiannya terdiri daripada burung hijrah yang jarang ditemui.

Sebahagian burung berkenaan boleh ditemui sepanjang masa, manakala spesies burung hijrah pula boleh dilihat dengan banyak bermula September hingga November. Titian kanopi di Taman Botani adalah pilihan terbaik kepada pemerhati



burung bagi mengintai kelibat sebahagian 200 spesies burung yang boleh ditemui di sini.

Bagi memperluas aktiviti urban birding, PPj bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Nature Educational Society (Nest) bertujuan mewujudkan suatu kumpulan komuniti tempatan yang peka terhadap kepelbagaian spesies burung.

Antara aktiviti disediakan adalah seperti bengkel ‘backyard buddy’ yang dapat memainkan peranan aktif sebagai kumpulan sokongan dalam menjayakan urban birding di Putrajaya.

Bukan sekadar hanya menikmati keindahan flora dan fauna, peminat burung juga boleh merakam gambar di habitat burung secara terbuka. Habitat burung di Putrajaya adalah destinasi yang sempurna untuk dihayati bagi pencinta alam semula jadi yang ingin ‘melarikan’ diri sebentar daripada kesibukan kota.

Kepelbagaian burung yang terdapat di sini sering menjadi tumpuan kaki burung dan jurufoto untuk merakam gambar haiwan berkenaan di samping menghayati pemandangan menakjubkan.



Lebih mengujakan, sebuah pulau kecil yang terletak di Presint 16 menjadi tarikan dan destinasi persinggahan bangau sehingga ada yang membuat sarang, sekali gus dapat mempelbagaikan produk pelancongan. Bangau dapat dilihat berterbangan sambil mencari makan di tasik berkenaan dan sebelum ini jumlahnya tidak banyak, namun sejak beberapa tahun lalu populasinya semakin bertambah.



# Festival Al-Quran Islam Terbesar Di Nasyrul Quran Putrajaya

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk para pengunjung ke Festival Seni Al-Quran Restu Global di Kompleks Nasyrul Quran bermula 20 Januari 2023 (Jumaat). Turut diadakan ialah lawatan eksklusif ke kilang percetakan al-Quran kedua paling besar di dunia tersebut yang terletak di Presint 14 selain pelbagai pameran artifik Rasulullah SAW.

Menurut hebahan menerusi laman sosial rasmi Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga bertindak sebagai rakan kerjasama strategik, festival berlangsung hingga 29 Januari 2023. Perasmian prapelancaran festival berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Ia dianjurkan bersama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian, Perbadanan Putrajaya, Islamic Tourism Center, Yayasan Restu dan Nasyrul Quran sendiri.

Uniknya, pengunjung juga berpeluang menyaksikan buku sirah bertajuk Inilah Muhammad yang memegang lima rekod dunia dengan ada 429 halaman dan berat 1,500 kilogram. Naskhah tersebut dihasilkan Mshahed International Group berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu mengambil masa sembilan bulan dengan kepakaran 50 orang untuk disiapkan.

Nasyrul Quran juga diberikan penghormatan buat julung kali untuk mempamerkan buku sejarah Nabi Muhammad SAW itu yang bersaiz lima meter lebar dan lapan meter tinggi. Turut dipertontonkan ialah kain kiswah Kaabah, pelbagai artifik milik Rasulullah SAW dan sahabat baginda,

pameran Quran Village, lelongan Art Pieces dan gerai aneka agensi.

Pihak pengajur turut menyediakan perkhidmatan pelupusan al-Quran dan buku agama selain program ilmiah serta Hari Palestin di samping peraduan mewarna bagi kanak-kanak. Pertandingan khat terbuka juga diadakan selain majlis pelancaran buku siri Ohsem! AR dan Sajdah oleh Blindspot Studio yang menerbitkan siri animasi cilik terkenal, Alif & Sofia.

Festival ini dibuka secara percuma dari pukul 9 pagi sehingga 6 petang pada setiap hari, manakala pada Sabtu dan Ahad, tempoh waktunya dilanjutkan sehingga 9 malam.

Tapak Nasyrul Quran seluas 2.2 hektar dirasmikan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2015 dengan kos diperuntukkan kerajaan sebanyak RM60 juta.

Kompleks tersebut setelah siap dua tahun kemudian dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan berupaya mencetak sejuta naskhah setiap tahun.



# PPj Optimis Realisasi Bandar Mampan, Bandar Hijau Karbon Rendah 2025

Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Mampan dan Bandar Hijau Karbon Rendah bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

PPj telah meraikan para pemenang Pertandingan Laman Cantik 2022 dalam satu majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya. Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud berkata objektif penganjuran pertandingan tersebut adalah untuk menghargai inisiatif penduduk dan komuniti dalam usaha mereka mewujudkan persekitaran hijau dan mampan di Putrajaya.

Pertandingan anjuran Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP); Jabatan Perkhidmatan Bandar bersama dengan Jabatan Landskap Dan Taman PPj ini juga dilihat mampu mendorong masyarakat serta komuniti Putrajaya dalam memelihara kejiraninan hijau selaras dengan konsep pembangunan dan status Putrajaya sebagai 'Bandar Dalam Taman'.

Jika ditelusuri setahun ke dua tahun lalu sepanjang berhadapan dengan pandemik COVID-19, terdapat beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah kita lalui di mana ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia yang mengambil peluang tersebut untuk mengisi masa sepanjang berada di rumah dengan bercucuk tanam, menghias laman dan sebagainya.

Secara tidak langsung, aktiviti seperti ini memberikan faedah dan manfaat kepada penjagaan kesihatan fizikal serta kesihatan mental. Dalam pada itu, penganjuran pertandingan pada tahun 2022 ini dibuat dengan beberapa inovasi dan juga penambahbaikan daripada beberapa aspek.

Penganjuran Pertandingan Laman Cantik 2022 ini julung-julung kalinya membuka penyertaan kepada pihak sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui kategori sekolah selain kategori rumah kuarters dan rumah milik persendirian. Pihak PPj menerima 43 penyertaan

meliputi ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan.

Di samping itu, usaha untuk mewujudkan persekitaran hijau dan persekitaran yang kondusif di Putrajaya tidak hanya terletak pada tanggungjawab PPj sahaja, malah warga dan komuniti Putrajaya serta pihak sekolah juga boleh memainkan peranan mengikut kapasiti masing-masing.

Diharapkan melalui pertandingan ini, warga Putrajaya dapat terus berganding bahu dan bersama-sama dalam usaha mewujudkan persekitaran hijau dan kondusif bukan sahaja untuk generasi pada masa sekarang, akan tetapi untuk generasi yang akan mewarisi kita di masa akan datang.

Penjurian telah diadakan bermula 5 hingga 23 Disember 2022 yang mana juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, naib juara RM800, RM700 bagi tempat ketiga, tempat keempat RM600 dan RM500 untuk tempat kelima manakala pemenang tempat keenam hingga ke-10 pula membawa pulang wang tunai sebanyak RM300.

Bagi kategori sekolah kebangsaan dan menengah, juara bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000, naib juara RM1,500, tempat ketiga sebanyak RM1,000 manakala pemenang saguhati tempat keempat hingga ke-11 membawa wang tunai bernilai RM600 yang mana masing-masing menerima trofi dan sijil.



# 400 Pelajar Tingkatan 5 Sertai Bengkel Pecutan Akhir Skor A+ SPM @ Putrajaya

Seramai 400 orang pelajar dari 11 buah sekolah di Putrajaya menyertai Bengkel Pecutan Akhir Skor A+ SPM @ Putrajaya di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, program yang diadakan pada 7 dan 15 Januari 2023 adalah bagi meningkatkan kualiti pendidikan warga sekolah Putrajaya selain membentuk jati diri sebagai persiapan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti. Bengkel ini dianjurkan bertujuan membantu para pelajar di tingkatan 5 untuk membuat persiapan intensif bagi menduduki SPM yang bermula pada 20 Februari 2023.

Selain itu, pelajar-pelajar turut didedahkan dengan teknik belajar

dan kaedah menjawab soalan di bawah bimbingan guru-guru yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

Pelaksanaan bengkel tersebut juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) iaitu SDGs 4: Quality Education, SDGs 11: Sustainable Cities and Communities dan SDGs 17: Partnership For The Goals.

Bengkel yang bermula jam 7.30 pagi sehingga 5 petang tersebut dilaksanakan PPj melalui Seksyen Local Agenda 21 Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Pengetua Semenanjung Malaysia (Putrajaya).



# Potongan 30 Peratus Cukai Taksiran Buat Warga Putrajaya

Keputusan kerajaan memberikan potongan sebanyak 30% daripada jumlah cukai taksiran yang dikenakan dapat mengurangkan beban kewangan ditanggung warga Putrajaya terutamanya penjawat awam.

Naib Presiden Kewangan Perbadanan Putrajaya (PPj), Puan Suhaila Eleas berkata tujuan pengurangan tersebut dilaksanakan adalah berdasarkan rungutan dan pandangan daripada penduduk di Putrajaya yang memaklumkan bahawa cukai taksiran dikenakan ke atas premis kediaman mereka agak tinggi berbanding kawasan sekitarnya.

Pengurangan ini diberikan selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk mengurangkan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan M40 dan B40 yang memiliki kediaman mampu milik di Putrajaya. Ia diberikan kepada pemilik kediaman mampu milik berharga kurang RM300,000 yang siap bermula tahun 2017 dengan melibatkan sebanyak 8,573 unit kediaman mampu milik di Wilayah Persekutuan Putrajaya di mana secara keseluruhannya melibatkan sembilan Skim Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).

Antaranya adalah PPAM Saderi (1,100 unit); PPAM Ketumbar (800 unit); PPAM Seruling (1,062 unit); PPAM Selasih (1,000 unit); PPAM Pudina (1,504 unit); PPAM Palma (262 unit); PPAM Melinjau (650 unit); PPAM Larai (1,679 unit) dan PPAM Jintan (516 unit)," jelasnya cukai taksiran di Putrajaya dikira berdasarkan kadar peratusan yang diambil daripada nilai tahunan iaitu anggaran nilai sewa tahunan harta tanah.

Cukai taksiran perlu dibayar bagi membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti PPj untuk membiayai perkhidmatan pembersihan kawasan (pungutan sampah,



pembersihan jalan, parit dan pemotongan rumput); pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, parit, longkang dan pengindahan bandar; penyediaan dan penyelenggaraan lampu jalan, pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti dewan orang ramai, tandas awam, pasar, padang permainan kanak-kanak, tempat rekreasi dan sebagainya serta menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam.

Berikut pengurangan tersebut, meskipun terdapat pengurangan dalam hasil jualan cukai taksiran PPj iaitu sebanyak RM1,586,973.30. Namun, ia tidak akan menjadikan mutu perkhidmatan cemerlang pengurusan bandar di Putrajaya di mana ia akan ditampung dengan sumber dana yang lain.

Selain itu, PPj turut melaksanakan beberapa inisiatif dan kempen lain dalam menggalakkan pengguna untuk membayar cukai taksiran mereka. Sebagai galakan, pihak PPj meneruskan pemberian barang insentif kepada pembayar cukai yang melunaskan tanggungjawab mereka dalam tempoh ditetapkan.

Sebagai contoh, bagi bil penggal pertama hendaklah dibuat bayaran selewat-lewatnya pada 28 Februari 2023 manakala bagi bil penggal kedua, bayaran perlu dibuat selewatlewatnya pada 31 Ogos 2023 untuk layak menerima barang insentif.

Di samping itu juga, PPj mengambil inisiatif melalui pemberian hadiah cabutan bertuah mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan," ujarnya sebanyak 25 hadiah menarik terdiri daripada lima hadiah utama dan 20 hadiah saguhati antaranya adalah Motosikal Yamaha Y15 ZR; Motosikal Yamaha 135 LC; iPhone 13 Pro Max; iPad Pro 11; 14-inch MacBook Pro dan banyak lagi menanti pengguna.



# Bas Nadiputra Beroperasi Bawah Rapid Bus Mulai 1 Januari

Semua perkhidmatan bas henti-henti Nadiputra akan diletakkan di bawah kendalian dan operasi Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid Bus) bermula 1 Januari 2023.

Perkara itu dikongsi menerusi laman Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj) yang memaklumkan, biarpun di bawah operasi Rapid Bus, namun nama perkhidmatan bas masih dikekalkan sebagai Bas Nadiputra.

Sebanyak tujuh laluan diperkenalkan yang akan beroperasi bermula pukul 6.30 pagi hingga 8 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan dari pukul 7 pagi hingga 8 malam pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am.

Kadar tambang sebanyak RM1 sehala untuk enam laluan, manakala satu laluan iaitu laluan P101 (Kompleks F – Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Persiaran Perdana – Presint 5) adalah percuma.

Pembayaran tambang adalah secara tanpa tunai menggunakan kad Touch n Go dan kad konsesi MyRapid, manakala, diskaun kadar tambang pula layak dimohon

oleh golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan pelajar.

Laluan P102 membabitkan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Presint 1 – Presint 11, manakala P103 pula dari Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Presint 14.

Bagi laluan P104 pula, ia bermula dari Dataran Gemilang – Presint 4 – Presint 5 dan P105 pula Dataran Gemilang – Presint 4 – Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Presint 1.

Selain itu, laluan P106 membabitkan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Presint 1 – Presint 16 – Wisma Belia dan Sukan, manakala laluan P108 pula Terminal Putrajaya Sentral – Presint 7 – Presint 9 – Persiaran Salahuddin Abdul Aziz Shah – Presint 1.

Maklumat berkenaan operasi perkhidmatan bas henti-henti dan laluan ini boleh di dapati di: laman web: [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my), Facebook: @myrapid, Talian Bantuan: 03-7885 2585 atau emel: [suggest@rapidkl.com.my](mailto:suggest@rapidkl.com.my).



# PPj Rai 11 Pemenangan Pertandingan CAREton@Putrajaya



Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan 11 pemenang Pertandingan CAREton@Putrajaya daripada peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), persatuan dan syarikat swasta bertempat di Lobi Blok CD, Kompleks PPj, Presint 3 pada Selasa.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar PPj, Tuan Shamsul Bahrin Rahmat, projek yang bermula pada 20 September hingga 18 November 2022 itu dilaksanakan bertujuan untuk mengumpulkan kotak air minuman terpakai Used Beverage Cartons (UBC) untuk diproses kepada bahan binaan mesra alam yang dinamakan sebagai papan poly Aluminium (PolyAl).

Para peserta dikehendaki menghasilkan perabot berdasarkan kreativiti masing-masing menggunakan minimum 50 peratus bahan UBC yang disediakan. Hasil pertandingan ini telah dinilai dari aspek-aspek seperti konsep, fungsi, kreativiti, estetik, keselamatan, kekuahan dan peratusan penggunaan UBC.

Pertandingan ini adalah selaras dengan aspirasi PPj dalam menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau Karbon Rendah di bawah fokus keenam bandar hijau iaitu pengurusan sisa pepejal. Pertandingan ini dapat meningkatkan lagi kreativiti industri dalam menghasilkan produk kitar semula menggunakan papan PolyAl serta memperkenalkan konsep sirkular ekonomi sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya.

Selain itu, ia bertujuan untuk mempromosi aktiviti mengumpul, mengitar semula UBC serta memperkenalkan Program CAREton@ Putrajaya kepada komuniti di Putrajaya. Melalui

pertandingan ini juga dijangkakan dapat mengurangkan lagi jumlah UBC yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Dalam pada itu, sepanjang tahun 2022, CAREton@Putrajaya telah mempergiatkan lagi usaha pengumpulan UBC dan mempromosi penggunaan papan PolyAl melalui pelaksanaan tiga siri Kempen CAREton@ Putrajaya di kawasan perumahan peringkat komuniti dan warga kerja Putrajaya.

PPj turut mengadakan kempen, pameran dan bengkel khas CAREton@ Putrajaya bersempena Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2022. Selain itu, PPj turut menyediakan ruang sampah pukal untuk rumah sampah di blok-blok kuarters Putrajaya. Projek tersebut juga akan dikembangkan dari semasa ke semasa kepada skala lebih besar dalam kalangan komuniti, bukan sahaja memanfaatkan alam sekitar malah dapat membantu menjana sumber pendapatan komuniti berteraskan teknologi hijau.

Juara Pertandingan CAREton@Putrajaya 2022 telah dinobatkan kepada Persatuan Usahawan Kebun Komuniti KK4. Walaupun bersaing dengan pihak pemaju, IPT, firma arkitek dan lain-lain organisasi, penyertaan KK4 dalam pertandingan ini adalah manifestasi amalan 5R di mana pembuatan perabot dihasilkan daripada kotak-kotak minuman terbuang. Bentuk meja bulat yang dipilih melambangkan kesepakatan ahli kebun yang menjunjung pertanian lestari alam. Idea dalam menghasilkan Meja Bulat Jimat Ruang KK4 adalah kerana ingin menjimatkan ruang memandangkan meja yang dihasilkan hanya berukuran diameter 48 inci dengan ketinggian 29 inci.

Juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, RM800 untuk naib juara, RM500 untuk tempat ketiga manakala untuk tempat keempat RM400 dan tempat kelima RM350. Pemenang saguhati pula membawa pulang wang tunai RM300. Para pemenang turut menerima trofi, sijil dan hadiah iringan berupa produk kitar semula.

# 230 Peserta Tempuh Cabaran Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2022



Seramai 230 orang peserta hadir memeriahkan acara Putrajaya Lake and Wetland (PLW) Explorace 2022 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, peserta terlibat berentap dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi merebut gelaran Lake Warrior 2022.

Peserta perlu melalui perjalanan sejauh 12 kilometer (km), meliputi kawasan seluas 150 ha dan perlu melaksanakan 14 tugas bagi melengkapkan cabaran termasuklah aktiviti 'lake crossing' di Central Wetland dan cabaran 'fear factor' yang bermula seawal pukul 8 pagi hingga 5 petang.

Reka bentuk tugas yang disediakan dalam cabaran tersebut turut memberi peluang kepada peserta untuk lebih mengenali spesies burung, ikan, tumbuhan, serangga, meneliti kualiti air dan sebagainya.

Bagi setiap kategori, pemenang tempat pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2022 dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 manakala tempat kedua mendapat RM2,000 dan tempat ketiga menerima RM1,000 yang mana masing-masing membawa pulang sijil dan medal. Selain itu, hadiah bagi pasangan lelaki, wanita dan campuran terbaik turut disediakan.

Lebih menarik, kesemua pemenang turut menerima hadiah iringan daripada

penajaan Decathlon. Peserta yang bertuah juga menerima hadiah cabutan bertuah berbentuk barang dan wang tunai yang keseluruhannya berjumlah melebihi RM5,000.

Dalam pada itu, Dato' Fadlun menjelaskan program edisi kelapan yang dianjurkan PPj dengan kerjasama UNESCO-IHP Malaysia di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam kepada orang awam khususnya generasi muda berhubung Tasik dan Wetland Putrajaya.

Di samping itu, ia juga dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta mewujudkan 'sense of belonging' dalam kalangan peserta bersama-sama dengan PPj dalam menguruskan Tasik dan Wetland Putrajaya.



# Perbadanan Putrajaya Rai Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, 13 Agensi



**S**ebagai usaha menghargai sumbangan, komitmen dan kerjasama yang diberikan, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan Majlis Penghargaan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya dan Rakan-Rakan Strategik 2022 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Menurut Presiden PPj, Dato'TPr Fadlun Mak Ujud, program tersebut diadakan buat mereka yang telah menjayakan program-program anjuran PPj seterusnya merapatkan hubungan bersama pemegang taruh Putrajaya.

Bagi menghargai rakan strategik PPj yang telah memberi komitmen serta kerjasama dalam menjayakan program anjuran PPj, sebanyak 13 agensi telah menerima Anugerah Rakan Strategik Perbadanan Putrajaya. Antara agensi terlibat adalah Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya; Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Selain itu, Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya; Kraftangan Putrajaya; Bank Islam; Tenaga Nasional Berhad (TNB) Putrajaya; Kelab Usahawan Putrajaya; Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE); Persatuan Warga Emas Putrajaya

(PerWEP); Kelab Anak Muda Putrajaya dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PUTRAKOP) turut menerima anugerah yang sama.

Dalam pada itu, majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan anugerah yang telah dipertandingkan dalam kalangan MPPWP Putrajaya iaitu Anugerah Keselamatan, Perpaduan & Kesejahteraan; Anugerah Ekonomi & Keusahawanan; Anugerah Modal Insan, Pendidikan & ICT; Anugerah Sukan & Rekreasi; Anugerah Kesihatan, Kebersihan & Alam Sekitar; Anugerah Inovasi MPPWP Putrajaya dan Anugerah MPPWP Cemerlang Putrajaya 2022. Anggota MPPWP Putrajaya memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelestarian dan kesejahteraan warga tempatan dalam kehidupan seharian.

Terdahulu, PPj bersama MPPWP dan rakan strategiknya telah melaksanakan sebanyak 230 aktiviti yang bukan sahaja memfokuskan kepada acara-acara berskala mega malah pelbagai program di peringkat komuniti meliputi kesemua golongan dan lapisan masyarakat di sepanjang tahun 2022.





# 150 Pelajar Putrajaya Terima Bantuan PPj

Bagi meringankan beban ibu bapa menjelang sesi persekolahan pada tahun 2023, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil membantu melalui Program Bantuan Jom Balik Sekolah (Back To School).

Seramai 150 orang pelajar menerima bantuan persekolahan dalam satu Majlis Penyampaian Bantuan Jom Balik Sekolah bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya.

Inisiatif murni yang dianjurkan pihak PPj dengan tajaan Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan GITN Sdn Berhad ini adalah bertujuan membantu keluarga asnaf dan miskin (B40) di sekitar Putrajaya dalam mempersiapkan kelengkapan persekolahan anak-anak untuk kembali bersekolah.

Antara sumbangan yang diterima adalah bantuan satu unit beg sekolah dan alat

tulis serta baucar pembelian barang bernilai RM260. Inisiatif dilaksanakan PPj ini juga merupakan langkah terbaik yang dilihat dapat mensejahterakan kehidupan sekeluarga lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Pada majlis ini, rata-rata ibu bapa telah melahirkan rasa syukur kerana bantuan melalui Program Jom Balik Sekolah tersebut bukan sahaja dapat mengurangkan beban perbelanjaan persekolahan malah dapat membantu masyarakat dalam pendidikan anak-anak saban tahun.

Penyampaian bantuan tersebut telah disempurnakan oleh Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh dan Pengarah Penguat Kuasa PPj, Mohd Ali Jusoh.

# Pertandingan Memancing Putrajaya 2023 Sempena POD

Perbadanan Putrajaya ("PPj") melalui Pejabat Perikanan WP Kuala Lumpur/Putrajaya telah berkerjasama mengadakan Pertandingan Memancing Putrajaya 2023.

'Airhorn' Permulaan Pertandingan Memancing ini telah disempurnakan En. Shamsul Bahrin Rahmat, Naib Presiden Perancangan Bandar PPj dan YBhg Dato Adnan bin Hussain, Pengarah Kanan Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan DOF. Turut hadir Dato' Omairi Hashim, Mantan Naib Presiden Kanan PPj dan Pn. Suhana Kassiron, Pengarah Pejabat Perikanan WP KL/Putrajaya.

Program ini merupakan acara tahunan dilaksanakan untuk memberi peluang kepada kaki pancing untuk merasai keseronokan memancing dan memperkasakan pengiktirafan pengurusan Tasik dan Wetland sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO-IHP. Bagi program ini Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menyumbangkan induk ikan, menyertai pameran dan menyediakan juri pertandingan memancing sebagai tanda sokongan dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama teknikal dalam aspek pengurusan ikan Tasik Putrajaya yang sedia terjalin.

Pertandingan memancing ini julung kali dianjurkan selepas pandemik Covid-19. Lebih 2,300 kaki pancing telah memenuhi Sisiran Tasik Putrajaya sepanjang Presint 2 hingga 4 sekitar Jambatan Seri Saujana bagi Pertandingan Memancing Putrajaya 2023.

Tasik Putrajaya juga turut mendapat pengiktirafan Tapak Demonstrasi Ekohidrologi Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) sejak 2010 dan menempatkan pelbagai spesies ikan yang bermutu tinggi seperti kelah, temoleh dan tengas.

Pertandingan memancing Putrajaya 2023 ini telah menobatkan Ismail Abdullah, 65, sebagai juara Pertandingan Memancing Putrajaya yang diadakan di Sisiran Tasik Putrajaya Presint 2, 3 dan 4 dan juga turut memenangi cabutan bertuah utama sempena POD 2023. Ismail berjaya menaikkan ikan Rohu seberat 9.5 kilogram (kg) sekali gus membawa pulang

hadih wang tunai sebanyak RM7,000 dan sebuah motosikal jenis Modenas Kriss.

Tempat kedua dimenangi oleh Julaidi Ismail, 49, selepas berjaya menaikkan ikan Temoleh seberat 4.5 kg sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 manakala tempat ketiga dimenangi oleh Amar Kamarudin Abd Rahman, 42, yang menaikkan ikan Rohu seberat 7.9 kg serta membawa hadiah bernilai RM3,000.

Pertandingan yang diadakan bersempena Putrajaya Open Day (POD) 2023 ini menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM22,000 kepada pemancing yang berjaya mendaratkan ikan.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, melalui penganjuran program ini, iaanya dapat memberi peluang kepada golongan pemancing untuk sama-sama menikmati hasil pembangunan Tasik Putrajaya di samping melaksanakan aktiviti riadah seisi keluarga.

Secara tidak langsung, aktiviti ini juga memberikan nilai tambah bagi memperkasakan perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya sebuah tapak ekosistem perbandaran yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO sejak tahun 2010.

Selain aktiviti memancing, kawasan Sisiran Tasik Putrajaya turut meriah dengan aktiviti perkelahan dan jualan hasil produk air tawar seperti udang harimau. Turut diadakan pertandingan memasak ikan air tawar membabitkan lebih 40 pasukan dalam acara sama.



# Festival Ramadan Putrajaya 2023



**F**estival Ramadan Putrajaya 2023 (FRP2023) berlangsung pada skala lebih besar bermula 22 Mac hingga 21 April 2023, dengan sasaran menarik kehadiran 500,000 pengunjung.

Penganjuran FRP2023 yang bertemakan "Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran" melibatkan empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar bertempat di Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan lima lokasi bazar Ramadan Putrajaya.

FRP2023 bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehenti menjual juadah berbuka puasa dan barang keperluan hari raya bagi menyemarakkan semangat Ramadan.

Bagi komponen Bazar Ramadan, lebih 500 lot niaga disediakan di lima lokasi iaitu tapak bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Presint 3; tapak parkir Taman Seri Empangan, Presint 5; tapak parkir Pasar Awam Presint 8; tapak berhadapan Depo PPj, Presint 9 dan tapak Pasar Malam Presint 14 yang bermula dari 3 petang hingga 8 malam.

Bagi komponen Anjung Syawal pula, menawarkan lebih 200 penggerai yang menjual barang persiapan raya, persembahan kerohanian serta penampilan selebriti hijrah dan pempengaruh tempatan.

Pengunjung turut mempunyai pilihan untuk mendapatkan juadah berbuka di Laman Iftar yang terletak di antara perkarangan Kompleks PPj iaitu terdapat 12 gerai yang menjual pelbagai juadah berbuka dari 3 petang hingga 12 tengah malam.

Pengunjung boleh memilih untuk berbuka puasa dan moreh di Laman Iftar berkonsepkan outdoor cafe di Kompleks PPj dan padang berhadapan Kompleks PPj yang juga merupakan lokasi ikonik berbuka santai bersama rakan-rakan dan keluarga.

Penganjuran FRP2023 ini diharap memberi peluang perniagaan kepada penjaja dan peniaga kecil menambah pendapatan pascapandemik Covid-19.

Pada tahun 2022, Festival Ramadan ini telah berjaya menarik kehadiran lebih 500,000 pengunjung sepanjang Ramadan 2022 dengan hasil jualan kasar sebanyak RM3 juta.

